



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (31)

Tarikh : 28 September 2013

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2013
PEMBERIAN ELAUN KEPADA PELAJAR IPTA YANG MENGIKUTI LATIHAN AMALI
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 2 Tahun 2013 yang telah bersidang pada 28 Febuari 2013 berhubung kelulusan pemberian elaun kepada pelajar IPTA yang mengikuti latihan amali di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

2.0 LATAR BELAKANG

Melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 24 Ogos 2011, Kerajaan telah meluluskan pemberian elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri / praktikal di agensi Kerajaan sebanyak RM15.00 sehari terhad kepada maksimum 3 bulan sahaja.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2013**.

4.0 SYARAT PEMBERIAN

- 4.1 Pemberian elaun kepada pelajar IPTA yang mengikuti latihan amali di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia adalah berdasarkan kepada syarat seperti berikut:
 - 4.1.1 Pelajar terdiri dari warganegara Malaysia sahaja dan sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara di semua peringkat pengajian yang mewajibkan pelajar untuk menjalani latihan amali sebagai syarat pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya.
 - 4.1.2 Jumlah elaun yang diterima adalah sebanyak RM 15 sehari (hari bekerja sahaja) tidak termasuk hari cuti awam/umum/hujung minggu. Pembayaran elaun adalah terhad kepada maksimum 3 bulan sahaja (90 hari bekerja).
 - 4.1.3 Waktu latihan amali pelajar adalah menyamai waktu bekerja pegawai awam.
 - 4.1.4 Pelajar tidak layak dibayar bayaran lebih masa dan mendapat apa-apa elaun, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang diterima oleh pegawai awam. Walau bagaimanapun, pelajar boleh dibenarkan bercuti dengan kebenaran tanpa dibayar sebarang elaun.
 - 4.1.4 Tempoh latihan amali adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh institusi pengajian pelajar.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Pembayaran elaun kepada pelajar IPTA yang menjalani latihan amali di UPNM akan dibuat pada minggu kedua setiap bulan berikutnya atau secara sekali gus (*lump sum*) pada akhir bulan ketiga.
- 5.2 Pembayaran elaun tersebut akan menggunakan Vot OS29300 belanja mengurus di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

6.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 6.1 Ketua Jabatan boleh mengadakan kaedah pemilihan tertentu seperti temuduga untuk mendapatkan pelajar yang sesuai berdasarkan kepada syarat seperti berikut:
- a) Warganegara Malaysia; dan
 - b) Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar Negara; dan
 - c) Pelajar yang diwajibkan untuk mengikuti latihan amali bagi memenuhi syarat pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya.
- 6.2 Ketua Jabatan hendaklah merancang dan mengenalpasti kerja atau tugas yang akan dilaksanakan oleh pelajar terlebih dahulu sebelum urusan pengambilan.
- 6.3 Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan Akta Rahsia Rasmi 1972.

7.0 PENUTUP

Pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka ianya tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,



PROF MADYA DR BIBI ZARJAAN BINTI AKHBAR KHAN

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
 - TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 - TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - TNC Penyelidikan dan Inovasi
 - TNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
 - Pegawai - Pegawai Kanan
 - Dekan – Dekan Fakulti
 - Pengerusi GPTI
 - Pengerusi NADIMASA
 - Pengerusi KESUPNA